



**IKLAN JAWATAN GURU TABIKA PERPADUAN GRED S29 (KONTRAK)  
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL  
NEGERI PAHANG**

**1. BUTIRAN JAWATAN**

- 1.1 Jawatan : **Guru Tabika Perpaduan**
- 1.2 Gred Jawatan : S29
- 1.3 Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- 1.4 Taraf Jawatan : **Kontrak**
- 1.5 Agensi : Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Negeri Pahang
- 1.6 Bilangan Kekosongan : Dua Belas (12)
- 1.7 Tempat Kekosongan : Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Negeri Pahang

**2. JADUAL GAJI GRED S29** : P1 RM1,493.00 – RM5,672.00

<b>3. ELAUN</b>	: Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	RM 300.00
	Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	RM 160.00
	Bantuan Sara Hidup (COLA) - Min	RM 200.00
	Max	RM 350.00

**4. SYARAT LANTIKAN**

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- 4.1 Terdiri daripada Warganegara Malaysia;
- 4.2 Calon lantikan hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 4.3 Calon bagi hendaklah memiliki **DIPLOMA** dalam Bidang berkaitan **PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- 4.4 Calon hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 4.5 Keutamaan permohonan adalah bagi yang menetap di **PAHANG** sahaja.

## **5. DESKRIPSI TUGAS:**

- 5.1 Bertanggungjawab menguruskan pendaftaran kanak-kanak ke tabika.
- 5.2 Melaksanakan tugas mengajar, mengurus rekod dan dokumentasi pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak.
- 5.3 Merancang aktiviti pengajaran tahunan, menyiapkan laporan bulanan kelas, mengendalikan semua fail ISO yang digunakan di tabika.
- 5.4 Membuat penilaian berterusan tentang perkembangan kanak-kanak serta tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

## **6. CARA MEMOHON :**

- 6.1 Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan yang boleh diperolehi dimana-mana Pejabat Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Daerah/ Negeri atau layari laman sesawang <https://www.jpnin.gov.my>
- 6.2 Permohonan daripada Pegawai Kerajaan atau yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab 'A' 21; dan
- 6.3 Borang permohonan yang lengkap berserta **gambar terkini berukuran pasport** hendaklah dikepilkan bersama-sama **salinan kad pengenalan, salinan sijil kelahiran, salinan sijil berhenti sekolah dan salinan sijil diploma dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan (beserta transkrip akademik), cetak slip pengiktirafan MQA, salinan sijil SPM yang diperakui sah oleh Pegawai Kerajaan yang menjawat jawatan Kumpulan 'A' atau Gred 41 ke atas atau Penghulu dan Ketua Kampung sebanyak (dua) 2 salinan** dan hendaklah dihantar kepada:

### **Pengarah**

Jabatan Perpaduan Negera & Integrasi Nasional  
Negeri Pahang Darul Makmur  
(Kementerian Perpaduan Negara)  
Tingkat 2, Blok A-B, No. 211,213,215, 217 dan 218  
Bangunan Centre Point, Jalan Haji Abdul Rahman  
**25000 KUANTAN PAHANG**

## **7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 21 JUN 2024**

## **8. PANGGILAN TEMUDUGA**

### **8.1 Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK** :**

- a) TIDAK disertakan dengan dokumen yang diperlukan
- b) TIDAK lengkap atau tidak terang
- c) TIDAK memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan
- d) TIDAK menandatangani borang permohonan
- e) TIDAK mengesahkan salinan dokumen yang disertakan

- 8.2 Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan dan memenuhi syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan akan dipanggil untuk menghadiri temuduga. Calon-calon yang tidak dihubungi selepas tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan hendaklah dianggap tidak berjaya.
- 8.3 Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah tanggungan sendiri dan jabatan tidak akan melayan sebarang tuntutan.

**9. PERTANYAAN**

9.1 Sebarang pertanyaan bolehlah diajukan kepada talian **09-5161533**.

**Tarikh : 24 MEI 2024**